

# UKM2U



ALUMNI-UKM

EDISI MEI 2019

E-BULETIN ALUMNI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



## TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL-EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA) UKM YANG BAHARU

YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Othman A. Karim telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UKM yang baharu mulai 22 April 2019 menggantikan YBrs. Prof. Madya Dr. Roslee Rajikan yang telah tamat tempoh lantikannya. Jutaan penghargaan kepada YBrs. Prof. Madya Dr. Roslee Rajikan di atas perkhidmatan dan komitmen yang tinggi selama beliau memegang jawatan Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA). Tahniah diucapkan kepada YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Othman A. Karim di atas pelantikan beliau.

SELANJUTNYA ➤



## INSPIRASI ALUMNI : DATO' SRI AHMAD KHUSAIRI BIN YAHAYA – PENGARAH BAHAGIAN PERISIKAN, SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Pada 25 April 2019, Pusat Perhubungan Alumni UKM telah menganjurkan Program Inspirasi Alumni bersama YBhg. Dato' Sri Ahmad Khusairi bin Yahaya, alumni Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dari tahun 1990. Beliau kini merupakan Pengarah Bahagian Perisikan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Turut hadir meraikan alumni ini adalah Pengarah Pusat Pembangunan Karier (UKM-KARIER), Prof. Madya Dr. Chang Peng Kee. Dalam perkongsian beliau, YBhg. Dato' Khusairi menceritakan pengalaman sepanjang berada di UKM dan mengakui bahawa beliau aktif terlibat dalam program berkaitan komunikasi media dan sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar UKM. Nasihat beliau, agar para pelajar menyertai pelbagai program dan aktiviti anjuran universiti. Penglibatan aktif pelajar dalam ko-kurikulum dapat meningkatkan daya saing dan meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam mencari peluang pekerjaan samada dalam sektor awam maupun swasta.

SELANJUTNYA ➤



## WAHANA ILMU ALUMNI : EN. HAMIDI A. RAZAK – PENGURUS DI JABATAN DASAR KEWANGAN PRUDEN, BANK NEGARA MALAYSIA

Program Wahana Ilmu Alumni telah diadakan pada 18 April 2019 oleh Pusat Perhubungan Alumni UKM di Bilik Seminar, UKM-KARIER bersama En. Hamidi A. Razak, alumni dari Fakulti Sains & Teknologi tahun 2008. Beliau kini menjawat jawatan Pengurus di Jabatan Dasar Kewangan Pruden, Bank Negara Malaysia. Tema program kali ini adalah Asimilasi Budaya di Universiti dan Industri. Beliau berkongsi ilmu dan pengalaman pengajian dan pekerjaan dalam bidang Sains Aktuari. Melalui pengalaman beliau, pelajar telah didekahkan mengenai bidang pekerjaan yang sesuai untuk pelajar-pelajar program Sains Aktuari. Selain itu, beliau turut berkongsi cara membuat resume yang baik. Secara keseluruhan, En. Hamidi banyak memberikan ilmu yang sangat diperlukan oleh pelajar dalam menempuh alam pekerjaan di masa akan datang.

SELANJUTNYA ➤



## MAJLIS MAKAN MALAM ALUMNI FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN 2019

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan telah menganjurkan Majlis Makan Malam Alumni FEP bertemakan "Bakti Ditabur, Kenangan Disubur" pada 20 April 2019 (Sabtu). Majlis ini merupakan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (MPPUKM) dan Hal Ehwal Siswa dan Alumni (HESA), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) UKM. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meraikan para alumni yang terdiri daripada mahasiswa dari tahun 1990 sehingga 1999 yang telah menyumbang kepada fakulti demi pembangunan FEP yang lebih mapan pada masa hadapan. Majlis tersebut dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Norman Saleh, DEKAN FEP dan seramai 40 orang alumni telah menghadiri majlis tersebut.

SELANJUTNYA ➤



ALUMNIUKMOfficial



@ALUMNIUKMOffcl



www.ukm.my/alumni

PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI UKM (ALUMNI-UKM)